

Bengkel Kewartawanan Kadet Cungkil Bakat Mahasiswa UMP



Kuantan 26 Mac -Kira-kira 200 peserta hadir menyertai bengkel kewartawanan kadet anjuran akhbar Utusan Malaysia sempena Karnival Pendidikan Mara 2016 yang berlangsung di Kompleks Berjaya Megamall di Kuantan baru-baru ini.

Dalam program ini bekas wartawan yang kini menyandang jawatan Pengurus Jabatan Pengarang Utusan Melayu Malaysia Berhad Ainol Amriz Ismail memberi pendedahan kepada peserta memahami peranan dan cabaran dalam media termasuk media baharu. Selain mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), penyertaan melibatkan pelajar Kolej Profesional Mara dan orang ramai yang berminat menceburi bidang ini.

Menurut Ainol, bengkel yang julung kali diadakan itu dapat memberi pendedahan dan peluang kepada orang ramai khususnya para pelajar untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi dunia kewartawanan.

"Untuk menjadi seorang wartawan bukan sekadar minat, tetapi seseorang itu perlu mempunyai sifat berani dan berpengetahuan luas. Wartawan juga perlu mempunyai sifat jati diri dan berpendirian " katanya.

Bagi mahasiswa UMP dari Kelab Media Massa, Nurul Syuhada Mohd Asri berkata, selepas menghadiri bengkel ini beliau dapat mengetahui skop kerja seseorang wartawan. Malahan, beliau yang meminati bidang ini berhasrat menyertai lagi bengkel sebegini bagi menambah pengetahuan dalam bidang ini.



Begini juga dengan Mohamad Zarif Rosli dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik pula berkata, minat untuk menjadi wartawan semakin bertambah selepas menyertai bengkel kewartawanan ini. Banyak input yang berguna sepanjang program ini berlangsung selain dapat mengetahui kerjaya ini sebenarnya menarik dan mencabar namun menyeronokkan.

Selain itu, Yang Di-Pertua Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Profesional MARA, Amir Nur Hazmi Mohd Azmi berkata beliau pada awalnya kurang mengetahui dunia sebenar kewartawanan beranggapan wartawan hanya menyampaikan berita dan kerjaya sebagai wartawan ini mudah tetapi selepas menyertai bengkel ini mengetahui cabaran dan kekangan yang perlu dilalui untuk mendapatkan bahan berita tidak mudah seperti yang disangka. Bagi mendapatkan bahan berita ianya tidak terhad di satu tempat kerana apa yang dapat dilihat itu mempunyai sumber berita yang sangat bernilai. Pendapat ini juga disokong rakannya, Siti Hajar Nordin, 19, Pelajar Jurusan Diploma Rekabentuk Pembuatan Kolej Profesional MARA yang ternyata gembira berpeluang menyertai program.

Program diadakan bersempena dengan Karnival Pendidikan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang diadakan bagi membantu pelajar lepasan sekolah memilih destinasi pendidikan tinggi di IPTA/IPTS dalam dan luar negara.

Berita disediakan oleh Siti Sarah Mohamad Rajimi dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 31-03-2016, 15:52:35